

18 NOV 1999

Syed Hamid-China

PELBAGAI ISU DIBINCANGKAN BILA DR MAHATHIR BERTEMU ZHU RONGJI

KOTA TINGGI, 18 Nov (Bernama) -- Pelbagai isu kepentingan bersama akan disentuh apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertemu rakan sejawatannya dari China, Zhu Rongji yang akan melakukan lawatan ke Malaysia dari 22 hingga 24 Nov ini.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata hari ini kedua-dua pemimpin akan membincangkan perkara-perkara berkaitan hubungan dua hala khususnya dalam bidang ekonomi, politik dan pelaburan.

Selain itu, mereka juga dijangka menyentuh soal serantau dan hubungan politik peringkat antarabangsa, katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata soal pelaburan disentuh kerana China akan melabur dalam projek kertas dan pulpa di Sabah manakala pelabur-pelabur Malaysia juga ada melabur di China.

"Kita percaya lawatan ini akan membuahkan hasil yang baik sebelum beliau (Zhu) menghadiri sidang kemuncak tidak rasmi pemimpin-pemimpin Asean di Manila," katanya.

Syed Hamid berkata perbincangan mengenai perkembangan politik antarabangsa amat penting kerana salah satu perkara yang mungkin dibincangkan di Manila ialah berkenaan kepulauan Spratly.

"Mungkin perkara ini disentuh dan mungkin juga ia tidak disentuh kerana China merupakan salah sebuah negara yang mempunyai kepentingan selain daripada negara-negara Asean yang lain," kata beliau.

Malaysia dan China ialah antara enam buah negara yang membuat tuntutan bertindih terhadap kepulauan Spratly di Laut China Selatan yang dikatakan kaya dengan gas dan minyak. Negara-negara lain ialah Brunei, Filipina, Taiwan dan Vietnam.

-- BERNAMA

MKO NMO